

Giving Covid-19 Vaccine According To Community Understanding And Its Relationship With Qawa'Id Fiqhiyyah Method

Pemberian Vaksin Covid-19 Menurut Kefahaman Masyarakat Dan Hubungannya Dengan Kaedah Fiqhiyyah

Mohd Hazwan Ismail¹ & Jasni Sulong²

¹Pelajar Ph.D, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. hazwanismail@student.usm.my

² Profesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia; AJK, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). jasni@usm.my

Abstract

The world was shocked by the contagion of Corona Virus Disease (Covid-19) when the disease first discovered in China in December 2019. The virus is dangerous because it can cause death in a short due to pneumonia as well as will infect other humans by simply passing through the air. The way to prevent it is via the control of human movement from having contacts with other human beings, that is, by control of movement and physical imprisonment from normal social activities so as not to be infected. However, such implementation poses other problems as human beings need social activities for economic, livelihood and educational purposes. This difficulty was overcome with the creation of a vaccine to immunize the body and become an antibody to fight Covid-19 in the event of infection. However, not all members of the community agree with this vaccination measure for certain reasons such as from the aspects of content, pharmaceutical manipulation and its treatability. As for the content aspect, Muslims become sensitive when the vaccine is said to use illegal elements in its manufacture such as from pig elements, fetuses and so on. Therefore, the study aims to examine the understanding and awareness of the public regarding the law of vaccination in Islam from the point of view of jurisprudence and methods of deduction of law. In this study, the method used is the collection of information by obtaining documents through fiqh books, journals, scholarly writings and from newspaper sources. Other methods such as the interview method are also used to obtain a more detailed explanation of the vaccinated community at the Vaccination Center (PPV) such as interviews with Assistant Medical Officers and PPV coordinators. In addition, questionnaires were also distributed to obtain information on the community's understanding of the application of fiqhiyyah methods in vaccination. The study found that the law of vaccination should be as explained by the scholars and religious institutions and this allows people to be more likely to choose to be vaccinated when as many as 90.7% who voted because it can reduce symptoms and thus avoid major emergencies.

Keywords: *Qawa'id Fiqhiyyah, Vaccines, Government, Emergency, Covid-19.*

Abstrak

Dunia dikejutkan dengan penularan Corona Virus Disease (Covid-19) apabila mula ditemui di Negara China pada Disember 2019. Virus tersebut adalah berbahaya kerana menyebabkan kematian dalam tempoh yang singkat dengan mengakibatkan radang paru-paru dan seterusnya menjangkiti manusia lain dengan hanya melalui udara. Cara untuk mencegahnya adalah melalui kawalan pergerakan manusia daripada berhubung dengan manusia yang lain, iaitu dengan kawalan pergerakan dan penjarakan fizikal daripada aktiviti sosial biasa agar tidak dijangkiti. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut menimbulkan masalah lain kerana manusia memerlukan aktiviti sosial untuk tujuan ekonomi, sara hidup dan pendidikan. Kesulitan ini diatasi dengan penciptaan vaksin untuk memberi imunisasi dalam badan dan menjadi antibodi untuk melawan Covid-19 sekiranya dijangkiti. Namun, tidak semua anggota masyarakat yang bersetuju dengan langkah vaksinasi ini atas sebab tertentu seperti aspek kandungan, manipulasi farmaseutikal dan kebolehrawatannya. Bagi aspek kandungan, umat Islam menjadi sensitif apabila vaksin tersebut dikatakan menggunakan unsur haram didalam pembuatannya seperti daripada unsur babi, janin dan sebagainya. Justeru kajian ini bermatlamatkan meneliti kefahaman dan kesedaran orang ramai berkaitan hukum vaksinasi dalam Islam daripada sudut fakah dan kaedah fiqhiyyah. Dalam kajian ini, metod yang digunakan adalah pengumpulan maklumat dengan mendapatkan dokumen melalui kitab fiqh, jurnal, penulisan ilmiah dan dari sumber akhbar. Metod lain seperti metod temubual juga digunakan untuk mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci mengenai masyarakat yang divaksin di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) seperti temubual bersama Penolong Pegawai Perubatan dan penyelaras PPV. Selain itu, soal selidik juga diedarkan bagi mendapatkan maklumat kefahaman masyarakat mengenai aplikasi kaedah fiqhiyyah dalam pemberian vaksin. Hasil kajian mendapati, hukum pengambilan vaksin adalah harus seperti yang telah diberi penjelasan oleh para ulama dan juga institusi agama dan ini membolehkan masyarakat lebih cenderung untuk memilih divaksin apabila sebanyak 90.7% yang mengundi kerana ia dapat mengurangkan gejala dan seterusnya dapat menghindari darurat yang besar.

Kata kunci: *Kaedah Fiqhiyyah, Vaksin, Kerajaan, Darurat, Covid-19.*

PENDAHULUAN

Situasi dengan merebaknya virus yang merbahaya atau disebut “pandemik” telah menyebabkan pelbagai sektor terjejas antaranya sektor perniagaan, ekonomi, sosial, sukan dan yang p’Aling teruk adalah kesan kepada kesihatan awam. Langkah jangka pendek ialah dengan melakukan kawalan pergerakan, manakala langkah jangka panjang ialah dengan memberi suntikan vaksinasi.

Maka dengan itu, kerajaan menggalakkan supaya masyarakat mengambil vaksin untuk mencegah atau mengurangkan kesan sekiranya dijangkiti dan seterusnya dapat kemb’Ali mengadakan aktiviti sosial semua secara normal setelah imuniti kelompok tercapai. Walaupun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang enggan mengambil vaksin kerana terpengaruh dengan berita tidak tepat daripada media sosial seperti vaksin tidak selamat,

merbahaya kepada kesihatan untuk jangka masa panjang, merupakan manipulasi pihak farmaseutikal, menjadi agenda Yahudi dan kandungannya mengandungi sumber haram.

Oleh itu, kajian ini ingin mengkaji tahap pengetahuan masyarakat awam mengenai vaksinasi dalam Islam khususnya daripada perspektif aplikasi kaedah fiqhiyyah bagi tujuan menghindari gejala penyakit berjangkit yang sedang melanda dunia. Ini kerana secara umumnya, pemberian vaksin adalah bertepatan dengan kaedah fiqhiyyah untuk mencegah sesuatu penyakit adalah yang lebih baik daripada merawatnya.

Corona Virus Disease atau Covid-19 adalah salah satu daripada jenis virus *Corona* (CoV) yang boleh mengakibatkan jangkitan penyakit berjangkit melalui saluran pernafasan, selain daripada jenis virus *Corona* yang lain seperti *Severe Acute Respiratory Syndrome* (SARS) dan *Middle East Respiratory Syndrome-Related Coronavirus* (MER-CoV). Virus Covid-19 ini telah ditemui di negara China pada bulan Disember 2019 yang lalu dan seterusnya menular pandemik ke seluruh dunia. Pesakit yang dijangkiti akan mengalami simptom selsema, demam, batuk, kehilangan deria bau dan seterusnya membawa kepada radang paru-paru, kesukaran bernafas, masalah jantung dan akhirnya menyebabkan kematian.

Oleh itu bagi mengatasi jangkitannya, cara praktikal untuk mencegah daripada wabak ini adalah dengan cara memakai pelitup hidung dan mulut. Dengan pemakaian tersebut, penyebaran virus akan dapat dihindari khususnya di tempat awam yang boleh berlaku melalui percikan air liur dan titisan daripada seseorang yang telah dijangkiti. Terdapat beberapa jenis pelitup hidung dan mulut antaranya *3-ply face mask* yang boleh digunakan untuk masyarakat awam. Namun, terdapat jenis lain yang boleh menyebabkan kesukaran untuk bernafas seperti N95 yang tidak digalakkan tetapi hanya digunakan oleh pegawai kesihatan sahaja bagi merawat pesakit yang telah dijangkiti (MyHealth, 2021).

Penularan virus Covid-19 ini berlaku dengan cepat iaitu lebih kurang seminggu ke dua minggu sesuai dengan masa sesuatu virus boleh hidup. Serangannya ke paru-paru dan jantung mengakibatkan pesakit yang telah mempunyai masalah kesihatan yang lain seperti asma, kencing manis, darah tinggi dan orang tua yang mempunyai antibodi yang rendah, akan lebih terdedah kepada kegagalan anggota utama badan dan akhirnya menyebabkan kematian. Ini disebabkan imunisasi dalam diri pesakit adalah lemah dan rendah.

Sehingga kini, Covid-19 masih belum mempunyai ubat yang khusus untuk merawatnya melainkan menggunakan vaksin tertentu untuk mencegahnya seperti vaksin Pfizer RNA,¹ AstraZeneca² dan Sinovac³ yang dikeluarkan oleh beberapa negara untuk mengurangkan gejalanya sahaja apabila dijangkiti oleh seseorang pesakit (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021).

Justeru, Islam mempunyai perspektif tertentu dalam pencegahan daripada penyakit berjangkit ini. Pendekatan Kaedah fiqhiyyah ini adalah merupakan satu bentuk kaedah yang dirumuskan berdasarkan sumber-sumber syarak iaitu al-Quran, al-Sunnah, al-Ijma' dan al-Qiyas. Kaedah-kaedah fiqhiyyah dibentuk berdasarkan kefahaman para fuqaha mengenai hukum Syarak dalam usaha untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan hukum semasa (Majd Ahmad Makkiyy, 2001). Kaedah-kaedah ini digunakan sebagai cabang pend'Alilan

¹ Bioteknologi Jerman yang berpangkalan di Mainz yang membangunkan dan menghasilkan imunoterapi aktif untuk rawatan penyakit.

² Syarikat farmaseutikal dan biofarmaseutikal multinasional Anglo-Sweden. Pada tahun 2013, ia memindahkan ibu pejabatnya ke Cambridge, United Kingdom, dan menumpukan Kajian Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D).

³ Syarikat biofarmasi yang berfokus pada penyelidikan, pembangunan, pembuatan dan pengkomersialan vaksin-vaksin yang mencegah penyakit berjangkit manusia. Syarikat ini beribu pejabat di Beijing, China.

hukum selain nas-nas langsung daripada Syarak dan bersesuaian untuk perbincangan hukum yang mengikut kepada peredaran zaman. (Khazri Osman et. al, 2020).

PERMASALAHAN KAJIAN

Penemuan beberapa jenis vaksin untuk merawat jangkitan Covid-19 tidak diterima sepenuhnya oleh masyarakat dunia apabila terdapat segelintir anggota masyarakat yang meragukannya. Penentangan kepada aktiviti vaksinasi ini dikenali sebagai “anti vaksin” dan mereka terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan kepercayaan. Ada yang berhujah menggunakan asas agama, ada yang menggunakan asas manipulasi ekonomi dan ada juga yang berhujah berasaskan kaedah perubatan alternatif.

Golongan ini beranggapan bahawa masih terdapat ikhtiar yang lain dalam mengubati atau merawat virus tersebut dalam Islam seperti dengan meminum madu serta memakan kurma Ajwa dan *habatus sauda'* seperti yang disarankan oleh Rasulullah SAW (Abdul Wafi bin Hazizan, 2021). Justeru, mereka tidak mahu mengambil vaksin yang dikatakan berteraskan Barat dan memilih untuk mengambil alternatif ini sebagai langkah pencegahan.

Kebimbangan sebahagian masyarakat kepada vaksin ini juga adalah kerana ketidakyakinan mereka pada keupayaan vaksin tersebut untuk mencegah daripada Covid-19. Ini kerana tempoh kajiannya yang singkat, tahap keberkesanannya yang belum teruji sepenuhnya dan ia seperti strategi global yang terancang oleh pihak yang berkepentingan. Masyarakat kluatir ia boleh mendatangkan mudarat akibat kajian yang tidak mendalam dan menyeluruh. Lebih-lebih lagi apabila tular beberapa kes yang dimomokkan sebagai kesan pengambilan vaksin dan penerimanya telah mengalami gejala yang seb'Aliknya dan sehingga menyebabkan kematian.

Oleh sebab itu, sebahagian masyarakat percaya yang virus ini merupakan agenda pihak tertentu yang cuba memanipulasikan senario dan mengambil kesempatan untuk menjual produk mereka. Kepercayaan ini berikutan kebergantungan manusia kepada vaksin dan pasarannya ke seluruh dunia, yang boleh menyebabkan manipulasi daripada kumpulan farmaseutikal tertentu semata-mata untuk mengaut keuntungan. Justeru, keyakinan mereka bahawa kemujaraban vaksinasi tersebut hanyalah dakwaan pihak tertentu sahaja sedangkan re'Alitinya tidak sedemikian. Mereka yakin akan dapat mengatasi wabak tersebut hanya melalui penjarakan fizikal dan memastikan tidak melakukan pergaulan bebas antara khalayak masyarakat.

Melalui permasalahan-permasalahan ini, golongan ini berpandangan bahawa vaksinasi sepatutnya adalah pilihan dan bukannya secara paksaan. Justeru, terdapat masyarakat yang enggan divaksin kerana ingin mengelak daripada komplikasi negatif akibat vaksinasi yang mungkin akan terkena kepada mereka dan boleh mendatangkan kemudaratan selepas disuntik (Abdul Wafi Hazizan, 2021).

SOROTAN KAJIAN

Bagi mengukuhkan dapatan kajian ini, pendekatan kajian yang dilakukan adalah berdasarkan kepada kajian lepas dan sorotan karya yang berkaitan dengan pengambilan vaksin untuk perubatan. Metodologi kajian juga adalah berdasarkan rujukan Kaedah fiqhiyyah dalam perubatan dan perawatan.

Kajian Lepas Berkaitan Vaksinasi dan Kaedah fiqhiyyah

Dalam perbincangan ini, pengkaji menggunakan dua tema bagi meneliti perbincangan yang lepas berhubung pemberian vaksin dan kaedah fiqhiyyah dalam perawatan Islam.

Bagi penggunaan tema yang pertama, terdapat kajian yang bertajuk “*Maslahah dalam Vaksinasi: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia*” (Norhidayah Pauzi et. al, 2017) yang menggunakan empat jenis kaedah fiqhiyyah iaitu ‘mengambil yang lebih ringan antara dua keburukan’, ‘perubahan sesuatu hukum adalah bergantung kepada perubahan nama’, ‘mencegah kemudaratan lebih diutamakan daripada mencari masalah’ dan ‘keperluan yang mendesak diletakkan dalam kedudukan darurat.’ Kajian tersebut menjelaskan penggunaan vaksin untuk mewajibkan jemaah haji dan umrah sebelum berangkat ke Mekah.

Antara vaksin yang perlu digunapakai adalah jenama Mencevax di mana Indonesia mengharamkan vaksin tersebut, manakala Malaysia mengharuskannya. Indonesia hanya membenarkan vaksin jenis Meningitis sahaja namun tidak bagi Malaysia kerana tidak selaras dengan farmaseutikal halal Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya difokuskan penggunaan kaedah fiqhiyyah bagi menghuraikan pelaksanaan mengenai hukum dalam menentukan statusnya kepada para jemaah haji dan umrah sahaja sebelum berangkat ke Tanah Suci. Ia tidak difokuskan kepada pemberian vaksin untuk penyakit terbaru.

Dalam kajian yang kedua pula iaitu, “*Polemik antara Penerimaan dan Penolakan Vaksinasi Kanak-Kanak: Analisis dari Perspektif Islam*” (Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi et. al, 2018) telah menjelaskan mengenai pemberian vaksin kepada kanak-kanak. Pemberian vaksin tersebut adalah harus sebagaimana yang telah disarankan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Namun, sekiranya vaksin tersebut boleh menyebabkan komplikasi penyakit yang berpanjangan dan serius, maka penggunaan vaksin tersebut adalah diharamkan. Oleh itu, ia selaras dengan pemakaian kaedah fiqhiyyah iaitu ‘tidak boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh pula membahayakan orang lain’.

Ini kerana terdapat kajian di Pakistan, Afganistan dan Nigeria yang mengatakan sekiranya vaksin tersebut digunakan, maka ia boleh mengakibatkan kemandulan dan sek’Aligus akan mengurangkan populasi umat Islam di muka bumi. Vaksin yang boleh mengakibatkan kemudaratan tersebut tidak digunapakai di Malaysia kerana Malaysia menggunakan vaksin yang selamat selaras dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Islam yang bertarikh 19 September 2016. Kajian ini juga difokuskan kepada vaksin untuk kanak-kanak sahaja.

Irwan Mohd Subri, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Suhazeli Abdullah, Hasanah Abd Khafidz (2021) juga telah menulis artikel bertajuk “*Pengetahuan Dan Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Vaksin COVID-19*”. Artikel tersebut bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan penerimaan masyarakat Islam di Malaysia terhadap vaksin Pfizer COVID-19 yang dibawa masuk oleh kerajaan Malaysia di mana 1745 responden telah menjawab soal selidik berkaitan melalui dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan dan penerimaan masyarakat muslim Malaysia mengenai isu ini di tahap memuaskan.

Bagi tema yang kedua pula iaitu penggunaan kaedah fiqhiyyah, antara kajian yang dirujuk adalah berdasarkan artikel jurnal yang ditulis oleh Muhammad Ammar Harith Idris (2018) yang menjelaskan aplikasi kaedah fiqhiyyah terhadap pengambilan bantuan makanan oleh gelandangan. Kaedah fiqhiyyah yang digunakan adalah ‘darurat dihilangkan selari dengan kadarnya’. Ia menjelaskan bahawa bantuan makanan yang diberi oleh mana-mana NGO dibolehkan untuk mengambil dan memakannya.

Ia harus untuk dimakan walaupun terdapat keraguan pada status halalnya sekiranya keadaan memaksa seperti boleh mendatangkan darurat yang lebih teruk jika tidak dimakan makanan tersebut. Namun begitu, pemakaian kaedah fiqhiyyah ini tidak terpakai sekiranya gelandangan tersebut mempunyai pilihan untuk memilih sama ada yang benar-benar diyakini

halal atau sebaliknya. Dalam kajian tersebut, hanya menjelaskan satu kaedah fiqhiyyah sahaja dan difokuskan terhadap gelandangan yang terdapat di bandar-bandar besar.

Seterusnya kajian yang bertajuk konsep *al-darurah* dalam inovasi pakaian bersalin (Siti Khatijah Ismail et. al, 2016). Kaedah fiqhiyyah yang digunakan adalah 'kemudharatan dihilangkan' di mana dalam kajian ini difokuskan kepada inovasi pakaian bagi wanita yang melahirkan anak untuk penjagaan aurat dan maruah. Walau bagaimanapun, dalam mengendalikan proses bersalin ini, faktor keselamatan wanita dan perkara-perkara yang memudahkan mereka bersalin adalah perlu dititikberatkan. Maka dengan itu, penggunaan aplikasi kaedah fiqhiyyah ialah kemudharatan hendaklah dihilangkan bagi memastikan objektifnya tercapai. Kadar yang diperlukan bagi menghilangkan kemudharatan tersebut adalah berdasarkan tahap yang diperlukan sahaja. Dan kajian tersebut hanya menggunakan satu jenis kaedah fiqhiyyah dan diaplikasikan dalam situasi inovasi pakaian untuk bers'Alin.

Sorotan Karya Berkaitan Vaksinasi dan Perspektif Agama

Vaksin merupakan satu jenis bahan yang berupaya untuk mencegah daripada suatu penyakit (Norhidayah Pauzi et. al, 2017). Bahan yang terdapat dalam vaksin secara umumnya adalah sejenis bakteria atau virus yang boleh mengenali musuhnya dan digunakan untuk melawan virus lain yang berbahaya yang akan menyebabkan jangkitan pada masa akan datang. Vaksin telah lama digunakan kepada masyarakat bagi mengurangkan pelbagai jangkitan seperti polio, cacar dan sebagainya (Bayan Linnas, 2020).

Kandungan yang terdapat dalam vaksin adalah sejenis bahan aktif yang disebut *antigen*. *Antigen* adalah sejenis organisma hidup iaitu virus yang dimatikan, virus yang disucikan dan toksin bakteria yang dilemahkan. Bahan-bahan tersebut adalah selamat digunakan dengan kuantiti yang ditetapkan serta dijamin keberkesanan untuk melawan virus yang berbahaya. Oleh itu, dalam mencegah untuk melawan Covid-19 yang sedang melanda dunia, Malaysia telah menggunakan tiga jenis vaksin iaitu vaksin Pfizer RNA,⁴ AstraZeneca⁵ dan Sinovac.⁶

Berhubung aspek keselamatan, vaksin-vaksin tersebut adalah diperakui selamat digunakan apabila Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memperakukannya. Pihak Kementerian menjelaskan bahawa vaksin tersebut mengandungi sejenis bahan yang dinamakan *methly merkuri* dan ia selamat berdasarkan penggunaannya sejak 80 tahun yang lalu dan menunjukkan tiada sebarang kemudharatan yang besar kepada masyarakat awam (Faridah Abu Bakar et. al, 2015). Seterusnya, vaksin ini adalah selamat berdasarkan perakuan daripada pakar dalam bidang tersebut.

Menurut Prof. Dr. Ahmad Tayyib dari Universiti al-Azhar al-Syarif, Mesir menjelaskan mana-mana maklumat perubahan yang telah dikaji oleh pakar-pakar yang berkaitan dengannya dan diperakukan mereka maka ia adalah harus untuk diambil dan digunakan. Ini bagi mengelak berlaku mudarat kepada masyarakat dan vaksin pula suatu yang sangat diperlukan. Kajian keberkesanan tersebut juga adalah diperakui selamat kerana ia telah

⁴ Bioteknologi Jerman yang berpangkalan di Mainz yang membangunkan dan menghasilkan imunoterapi aktif untuk rawatan penyakit.

⁵ Syarikat farmaseutikal dan biofarmaseutikal multinasional Anglo-Sweden. Pada tahun 2013, ia memindahkan ibu pejabatnya ke Cambridge, United Kingdom, dan menumpukan Kajian Penyelidikan dan Pembangunannya (R&D).

⁶ Syarikat biofarmasi yang berfokus pada penyelidikan, pembangunan, pembuatan dan pengkomersialan vaksin-vaksin yang mencegah penyakit berjangkit manusia. Syarikat ini beribu pejabat di Beijing, China.

dirujuk dalam bidang ahlinya seperti pakar perubatan, farmasi dan pembuat ubat-ubatan.⁷ Selain itu, Muzakarah Fatwa Kebangsaan Malaysia pula menjelaskan, hukum penggunaan vaksin adalah harus dan ia menjadi wajib bagi golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.⁸

Pendapat yang sama dikemukakan oleh Syeikh Dr. Sa'ad bin Nasir Shatsi (2021) dari Arab Saudi yang menjelaskan segala rawatan yang boleh mencegah daripada bahaya penyakit setelah dikaji dan diuji keberkesannya, maka hukumnya adalah harus. Penggunaan vaksin ini juga adalah sebagai *qurbah* (ibadah) untuk memelihara keselamatan diri apabila suatu mudarat boleh dihindarkan dengan pengambilannya. Secara tidak langsung, ia dapat menjaga kemaslahatan keluarga dan masyarakat.

Walau bagaimanapun, terdapat dakwaan yang mengatakan vaksin dari jenis Pfiver menggunakan bahan daripada unsur-unsur sel babi dan sel janin yang telah digugurkan. Dakwaan ini telah dinafikan dengan tegas oleh sarjana dari Amerika iaitu Prof. Dr. Muhammad al-Zuhayli (2021) bahawa bahan terlarang tersebut tidak pernah digunakan. Vaksin Pfizer juga adalah selamat dan halal serta tiada keraguan kesahihannya. Pendapat ulama mengenai keharusan penvaksinan ini telah dipersetujui oleh ramai sarjana dalam majlis *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli*.⁹

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi adalah merujuk kepada cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Dalam penulisan ini, metodologi yang digunakan adalah penting supaya kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Bagi mendapatkan data mengenai kajian ini, metod yang digunakan adalah kaedah pengumpulan data secara kajian kepustakaan dan kajian lapangan seperti menggunakan instrumen soal selidik.

Kajian kepustakaan dilaksanakan dengan pengumpulan maklumat berbentuk dokumentasi seperti kitab fiqh, kajian jurnal, kertas ilmiah, dan juga laman web yang berkaitan (Abdul Rashid Moten, 1998). Manakala kajian secara lapangan dilakukan menerusi kaedah temubual (Ahmad Sunawari Long, 2009) bersama pihak yang berkaitan seperti Penolong Pegawai Perubatan, Penyelaras Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan bekas pesakit Covid-19 bagi mengukuhkan serta menyokong dokumen bagi aplikasi kaedah fiqhiyyah selaras dengan situasi semasa.

Kaedah soal selidik pula adalah menerusi pembinaan soalan-soalan bagi menguji atau menilai tahap kefahaman responden. Dalam menjalankan kajian, metod soal selidik digunakan kerana ia adalah satu bentuk kajian yang popular digunakan dalam kalangan penyelidik. Kaedah soal selidik menjadikan dapatan kajian adalah lebih teratur, di mana ia boleh merangkumi bidang yang luas dan soalnya pula boleh dirangka dengan mudah. Beberapa maklumat akan dapat dikumpulkan daripada sumbernya, dan pada masa yang sama maklumat berhubung dengan responden boleh dirahsiakan.

Ini membolehkan responden menjawab soalan berkenaan dengan selesa tanpa rasa risau atau bimbang kepada pendedahan identiti dirinya. Keutamaan adalah kepada maklumat

⁷ Surat Syeikh al-Azhar kepada YB Menteri di JPM (HEA) berkenaan fatwa COVID-19 bertarikh 22hb Disember 2020.

⁸ Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali Ke-10 yang bersidang pada 3 Disember 2020.

⁹ Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli, Peraturan Syariah Mengenai Penggunaan Vaksin Covid-19 dan Pembelian Vaksin dengan Menggunakan Dana Zakat melalui Persidangan Maya bertarikh 10 Rejab 1442 / 22 Februari 2021 jam 10.00 pagi sehingga 1.00 petang waktu Mekah Al-Mukarramah.

yang diperlukan. Dalam kajian ini, ahli masyarakat akan dapat menyampaikan pemahaman mereka berkenaan amalan pemberian vaksin dengan baik. Soal selidik dibina dengan menggunakan *google form* dan diedarkan secara rawak melalui aplikasi *WhatsApp Group* bermula pada 4/9/2021. Terdapat 11 soalan telah dikemukakan kepada 86 responden yang terdiri daripada lelaki dan wanita.

KEFAHAMAN MASYARAKAT DAN HUBUNGANNYA DENGAN KAEDAH FIQHIYYAH DALAM PEMBERIAN VAKSIN

Kajian ini melibatkan 86 orang responden dengan pecahan 45 orang daripada kalangan wanita dan 41 orang daripada kalangan lelaki. Rata-rata responden berumur antara 30 sehingga 39 tahun iaitu seramai 54 orang atau sebanyak 62.8%. Seterusnya tahap pendidikan responden di mana kelayakan diploma dan ijazah sarjana muda adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 67.4%. Berdasarkan sektor pekerjaan pula, sebanyak 58.1% adalah dari sektor kerajaan.

Soalan-soalan yang dikemukakan adalah bersesuaian dengan amalan dan kefahaman semasa masyarakat berkaitan dengan garis panduan pematuhan perintah kawalan pergerakan yang dikuatkuasakan. Tahap kefahaman ini disesuaikan dengan fokus kaedah fiqhiyyah yang akan diperincikan berdasarkan jawapan serta keputusan dari masyarakat umum. Dapatan kefahaman masyarakat adalah dipaparkan sebagaimana jadual dibawah:

Bil.	Soalan	Peratusan		
		Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti
1.	Covid-19 boleh membahayakan kesihatan	74.4%	19.8%	5.8%
2.	Temujanji untuk hadir vaksin di PPV sangat mengganggu kerja rutin anda	4.7%	87.2%	8.1%
3.	Menghadirkan diri di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk divaksin menyusahkan anda	8.1%	82.6%	9.3%
4.	Vaksin dapat menghindari daripada bahaya diri sendiri dan juga orang lain	84.9%	8.1%	7%
5.	Mengambil vaksin boleh memudharatkan diri	10.5%	61.6%	27.9%
6.	Pelbagai bentuk Covid-19 antaranya <i>Alpha, Beta, Delta, Kappa, Theta</i> dan <i>Eta</i> . Anda yakin vaksin kini dapat mengurangkan semua gejala tersebut	59.3%	7%	33.7%
7.	Mencegah Covid-19 dengan cara divaksin adalah lebih baik daripada duduk di rumah	80.2%	11.6%	8.1%
8.	Pendapat ulama dan institusi agama berbeza pendapat mengenai penerima dan penolakan vaksin. Namun, yang menolak hanyalah minoriti	69.8%	7%	23.3%
9.	Kerajaan menggalakkan rakyatnya untuk mengambil vaksin	93%	7%	0%
10.	Individu yang tidak divaksin tidak dibenarkan masuk ke premis perniagaan, makan di kedai dan hadir ke pejabat	80.2%	15.1%	4.7%
11.	Pada masa akan datang kerajaan akan mewajibkan semua rakyat mengambil vaksin	76.7%	12.8%	10.5%

Jadual 5.1: Soal Selidik Kajian¹⁰

Tahap kefahaman masyarakat menunjukkan secara majoritinya sebanyak 74.4% memahami bahawa Wabak Covid-19 adalah suatu penyakit berjangkit yang berbahaya. Covid-19 boleh menyebabkan radang paru-paru sekiranya tidak diberi perhatian oleh petugas kesihatan dan berkemungkinan akan membawa kepada kematian. Sekiranya virus tersebut merebak ke merata tempat, ia boleh memberi kemudaratan yang lebih luas kepada penduduk dan boleh menjejaskan segala aktiviti harian setempat. Maka dengan itu, kaedah fiqhiyyah yang sesuai digunakan untuk mencegah hal ini adalah:

(الضرر يزال)

Maksudnya, “Kemudaratan hendaklah dihilangkan” (Taj al-Din ‘Abd al-Wahhab bin Taqiyy al-Din al-Subki, 1991).

Berdasarkan nasihat Kementerian Kesihatan, kemudaratan tersebut boleh dielakkan dengan cara mengamalkan penjarakan fizikal atau hanya duduk di rumah sebagai langkah awal bagi memutuskan rantai jangkitan (Taj al-Din ‘Abd al-Wahhab bin Taqiyy al-Din al-Subki, 1991). Pendekatan ini adalah dengan cara mencegah sesuatu penyakit sebelum seseorang terkena jangkitan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan langkah ini boleh menjejaskan rutin harian dan sekaligus akan menjejaskan penjana ekonomi bagi seisi keluarga dan negara (Berita Harian, 2020).

Bagi mengelak rakyat dan negara terkesan dengan kekangan dalam penjana kewangan dan sumber ekonomi, maka bermula daripada fasa 1 iaitu pada Februari 2021, kerajaan telah melaksanakan program imunisasi kebangsaan dengan pemberian vaksin kepada barisan hadapan terlebih dahulu seperti petugas kesihatan, perkhidmatan penting dan pertahanan. Kemudian diikuti dengan fasa 2 yang bermula pada bulan April 2021 dengan menasaskan masyarakat yang berumur 60 tahun dan ke atas serta golongan yang mengalami masalah kesihatan dan berisiko tinggi seperti mempunyai tekanan darah tinggi, diabetes dan orang kurang upaya (OKU).

Kemudian pada awal bulan Mei 2021, pelaksanaan imunisasi fasa 3 yang melibatkan semua masyarakat di Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (JKJAV, 2021). Pelaksanaan imunisasi masih lagi sedang berjalan sehingga kini dengan Kerajaan menggalakkan rakyat mendapat suntikan ketiga pula (*booster dose*) setelah jumlah penerima vaksin dewasa lengkap 2 dos suntikan iaitu mencapai lebih daripada 95% bagi membentuk imuniti kelompok (MKN, 2021).

Pelaksanaan program imunisasi kebangsaan ini dilakukan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) sama ada secara jemputan melalui aplikasi MySejahtera atau secara berjalan masuk (*walk-in*). MySejahtera sentiasa dikemaskini dari semasa ke semasa bagi bertujuan untuk penetapan tarikh, tempat dan masa untuk vaksinasi. Ia juga merekodkan maklumat pemberian vaksin dan status kesihatan pesakit daripada masa ke semasa. Tarikh yang diberi oleh MySejahtera tidak boleh dipilih oleh setiap orang tetapi berdasarkan pemilihan oleh pihak KKM.

Sekiranya terlepas atau tidak hadir pada tarikh tersebut, maka ia boleh menjejaskan sasaran kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok di sesuatu komuniti. Ini kerana, tarikh yang terlepas perlu dikemaskini semula dan ini akan melambatkan proses capaian imuniti

¹⁰ Peratusan kajian diambil dari *Google Drive* yang mula diedar pada 4/9/2021 sehingga 11/9/2021.

kelompok. Maka dengan itu, setiap orang perlu peka dengan aplikasi MySejahtera untuk mengetahui tarikh yang telah ditetapkan untuk mereka (Berita Harian, 2021).

Setelah tarikh temujanji telah ditentukan melalui MySejahtera, penerima perlu menyatakan persetujuan dengan tarikh tersebut atau meminta ubah kepada tarikh yang lain. Keutamaan pada masa kini adalah untuk mencegah dari dijangkiti Covid-19 (Ahmad 'Umar Abu Shawfah, 2003) walaupun terpaksa hadir dan bertindih dengan jadual kerja rutin. Melalui soal selidik yang diedar, sebanyak 87.2% masyarakat menunjukkan tidak bersetuju bahawa temujanji untuk hadir ke PPV adalah mengganggu kerja rutin harian. Ini kerana, tempoh untuk hadir ke PPV hanyalah sekejap sahaja dan ia tidak menjejaskan kelangsungan pekerjaan di pejabat atau mana-mana tempat kerja. Tambahan pula, kehadiran ke PPV telah dimaklumkan melalui mesej dari MySejahtera terlebih dahulu sebagai satu bentuk temujanji rasmi (Berita Harian, 2021).

Temujanji melalui MySejahtera melibatkan jumlah penerima tertentu pada satu-satu masa dan hal ini akan menyebabkan kehadiran ke setiap PPV adalah tinggi dan memerlukan kepada kawalan yang ketat seperti keperluan beratur, berhimpun dengan penjarakan sosial, semakan suhu dan memakai pelitup hidung dan mulut. Setiap seorang memerlukan sebanyak dua dos suntikan dengan jarak antara dos pertama dan dos kedua bagi vaksin *Pfizer* dan *Sinovac* adalah sekurang-kurangnya selama 2 minggu manakala bagi vaksin *AstraZeneca* selama 9 minggu.

Dalam dapatan kajian, majoriti orang ramai menyatakan tiada sebarang masalah untuk hadir ke PPV iaitu sebanyak 82.6% dan menyatakan ia tidak menyusahkan. Ini kerana, masa yang terlibat untuk divaksinasi di PPV adalah kurang daripada sejam. Manakala bagi yang terlepas temujanji dos yang kedua, disebabkan kesibukan atau dijangkiti wabak Covid-19 semasa panggilan tersebut, maka mereka perlu kembali normal sebelum sesuai untuk menerima vaksin seterusnya. Mereka boleh hadir apabila ditetapkan melalui MySejahtera atau hadir secara *walk in*¹¹ di mana-mana PPV yang mengadakannya (Mohamad Auzier Azmi, 2021).

Hanya sebilangan kecil atau sebanyak 8.1% menyatakan bahawa kehadiran ke PPV adalah menyusahkan. Walaupun demikian, kesusahan yang ditimbulkan hanyalah kecil seperti perlu minta izin majikan, perlukan seseorang untuk menjaga anak dan jarak PPV yang jauh. Namun kesusahan tersebut hanyalah minima kerana pemberian adalah percuma dan ia akan memberi kesan positif pada masa akan datang. Hal ini bersesuaian dengan kaedah fiqhiyyah iaitu:

(المشقة تجلب التيسير)

Maksudnya, “Kesusahan menyebabkan kemudahan” (Ahmad bin Muhammad Al-Zarqa, 1989).

Kemudahan pada masa hadapan adalah jaminan kepada masyarakat untuk hidup kemb'Ali secara normal setelah imuniti kelompok tercapai (Ahmad bin Al-Syeikh Muhammad Al-Zirqa, 1989). Dengan cara divaksinasi, kes-kes positif akan berkurangan dan gejala yang berlaku sekiranya dijangkiti wabak tersebut adalah tidak serius. Secara tidak langsung, ia akan menjadi seperti penyakit lain yang mudah diubati seperti demam selsema dan sakit kepala.

Dengan penvaksian seluruh rakyat, ia akan dapat menghindari masyarakat besar daripada jangkitan yang menular dalam kalangan mereka. Dalam hal ini, masyarakat bersetuju bahawa vaksin akan dapat menghindari daripada berlaku kemerbahayaan kepada

¹¹ Kerajaan Pulau Pinang membenarkan kehadiran ke PPV untuk divaksinasi secara terbuka melalui walk in bermula 8/9/2021.

diri sendiri dan juga orang lain. Sebanyak 84.9% atau seramai 73 orang yang bersetuju. Bagi menghindari jangkitan tersebut, kaedah fiqhiyyah ada menyatakan:

(لا ضرر ولا ضرار)

Maksudnya, *“Tidak boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh pula membahayakan orang lain.”* (Hadis. Malik. Al-Muwatta’. No. 2758).

Dan kaedah ini juga bersesuaian dengan kaedah fiqhiyyah berikutnya iaitu:

(الضرر الأشد يزال بالضرر الأخف)

Maksudnya, *“Kemudahan yang besar adalah dihilangkan oleh kemudahan yang kecil”* (Ahmad Umar Abu Shawfah, 2003)

Di sini, kemudahan yang besar adalah dijangkiti Covid-19 sekiranya tidak divaksin yang boleh membawa kepada komplikasi yang serius sehingga kematian. Manakala kemudahan yang kecil adalah kesan selepas divaksin yang mungkin berlaku kesan sampingan seperti demam, seram sejuk, pening, sengal tangan dan keletihan (Harian Metro, 19/4/2021). Kesan tersebut adalah merupakan tindakbalas badan ketika menerima vaksin untuk membentuk pertahanan yang baik atau sebagai antibodi dalam melawan Covid-19 (Berita Harian, 2021).

Terdapat sebilangan kecil masyarakat yang menyatakan bahawa vaksin ini boleh memberi kesan sampingan kepada manusia dengan peratusan sebanyak 10.5%. Oleh itu, ada responden yang menyatakan bahawa vaksin adalah tidak perlu kerana Allah SWT telah menciptakan antibodi khas dalam tubuh manusia sepertimana respon ke-40 berikut:

“Vaksin bukanlah ubat dan ia tidak menjamin keselamatan manusia. Manusia boleh sihat dan tidak perlukan kepada vaksin kerana Allah cipta manusia dengan sebaik-baik kejadian. Badan manusia juga mempunyai daya untuk melawan sakit di mana ia lebih baik dari vaksin. Kaedah dari mRNA (Pfizer) pada vaksin amat berbahaya kepada tubuh manusia disebabkan penghasilan dari spike protein dalam badan manusia dan tidak boleh dihentikan bahan tersebut. Ia akan sentiasa terhasil sehingga orang yang disuntik vaksin tersebut mati”.

Di sini, vaksin dikatakan membawa bahaya pula kepada manusia. Respon seterusnya ada menyatakan bahawa vaksin diperbuat daripada sumber yang haram. Ini berdasarkan respon yang ke-51 yang menyatakan:

“menggunakan bahan yang haram dalam tujuan perubatan adalah tidak boleh kerana ia bukan bertujuan untuk kebaikan. Kita masih lagi ada sumber yang halal untuk tujuan perubatan tetapi menggunakan sumber yang haram amatlah memudaratkan”.

Kedua-dua responden tersebut telah memilih untuk tidak divaksin dan tahap pendidikan kedua-duanya hanyalah pada tahap SPM. Mungkin mereka telah dipengaruhi dengan hujah-hujah oleh golongan yang anti-vaksin. Mengenai unsur-unsur yang terdapat didalam vaksin telah dijawab oleh ulama dari Amerika Syarikat iaitu Prof. Dr. Muhammad al-Zuhayli (2021) bahawa tiada unsur haram di dalamnya dan pengambilannya adalah harus.

Masyarakat yang telah divaksin iaitu sebanyak 61.6% tidak bersetuju bahawa vaksin boleh memudaratkan diri. Walaupun berlaku sedikit kesan sampingan, namun ia hanya sementara sahaja kerana badan akan kembali normal setelah beberapa hari. Keperluan vaksin semakin dituntut pengambilannya sehingga kini setelah muncul beberapa jenis varian Covid-

19 yang lebih merbahaya seperti varian *Alpha*, *Beta*, *Delta*, *Kappa*, *Theta*, *Eta* dan akhir-akhir ini *Omicron*.

Varian-varian tersebut telah menjangkiti pesakit di Malaysia iaitu sebanyak 14 kes untuk varian *Alpha*, 209 kes varian *Beta*, 978 kes varian *Delta*, 4 kes varian *Kappa*, 13 kes varian *Theta* dan 3 kes varian *Eta* yang telah menjadikan keseluruhan sebanyak 1,221 kes dicatatkan sehingga bertarikh 29 Ogos 2021 (CITF, 2021).

Dengan adanya berbagai varian, risiko untuk mudah dijangkiti adalah lebih besar dan kesannya adalah lebih bahaya. Sebanyak 59.3% daripada responden yakin bahawa vaksin yang disuntik dapat mengurangkan kesemua gejala dan risiko sekiranya dijangkiti (Salih bin Muhammad bin Hasan 'Ali 'Umayr, 2000) dan hanya 7% yang tidak bersetuju. Manakala baki sebanyak 33.7% tidak pasti dengan keabsahan vaksin tersebut. Walau apapun jenis varian Covid-19, masyarakat percaya bahawa kesemua varian tersebut adalah merbahaya kerana boleh menjejaskan kesihatan.

Dalam soal selidik yang telah diedarkan menunjukkan sebanyak 80.2% bersetuju untuk divaksin, manakala 11.6% bersetuju untuk tinggal di rumah. Ini kerana masyarakat perlu meneruskan aktiviti ekonomi dan sosial mereka seperti biasa setelah kira-kira dua tahun berada dalam tempoh pandemik ini. Majoriti yang hanya mahu tinggal di rumah sewaktu pandemik adalah kaum wanita. Manakala lelaki lebih banyak memilih untuk divaksin kerana lelaki perlu keluar rumah untuk mencari rezeki. Oleh yang demikian, usaha berterusan perlu dilakukan untuk mencegah hal ini mengeikut kemampuan dan ini sesuai dengan kaedah fiqhiyyah:

(الضرر يدفع بقدر الأمكان)

Maksudnya, “Kemudaratan perlu dihilangkan sejauh mana yang boleh” (Muhammad Sidqi 'Ali Burnu, 1996)

Maksud sejauhmana yang boleh adalah menggunakan kemampuan yang ada, seperti mengambil vaksin. Ini kerana sebahagian masyarakat perlukan wang, makanan, pendidikan dan keperluan asas untuk teruskan hidup, dan ini hanya dicapai melalui aktiviti sosial dan ekonomi seperti sebelum ini. Menunggu sehingga rantai wabak diputuskan secara sendiri adalah agak mustahil kerana wabak ini telah berada di seluruh dunia. Sedangkan manusia perlu keluar untuk bersosial bersama masyarakat terutamanya untuk mencari rezeki.

Justifikasi mengambil vaksin adalah alternatif yang terbaik bagi menghilangkan darurat sejauh mana yang boleh. Vaksin yang diberikan Kerajaan sangat fleksibel di mana terdapat individu yang menerima dos pertama di PPV Dewan Perda, Tasik Gelugor, Pulau Pinang, dan mengambil dos yang kedua di Semporna, Sabah (Mohamad Aslam Ahmad, 2021). Kemudahan ini adalah bagi memudahkan anggota masyarakat untuk bekerja dan tiada alasan untuk tidak menerima vaksin yang diberikan percuma oleh kerajaan.

Masyarakat di Malaysia bagi kaum Melayu adalah beragama Islam dan sangat sensitif mengenai hal hukum-hakam bagi sesuatu perkara. Pelbagai andaian yang menyatakan bahawa vaksin dicampur dengan sel babi, sel janin atau apa-apa bahan yang meragukan yang boleh menyebabkan haram pengambilannya. Ini kerana, terdapat institusi agama di luar negara seperti Majlis Ugama Indonesia (MUI) yang menyatakan vaksin *Pfizer* dan *AstraZeneca* adalah haram.

Walaupun demikian, ada ulama Malaysia mengulas bahawa sekalipun vaksin tersebut dibuat daripada bahan haram, ia boleh digunakan disebabkan keadaan darurat (Utusan Malaysia, 2021). Namun segelintir daripada kalangan orang Melayu apabila mengetahui akan

adanya unsur-unsur yang haram, maka akan terus dilabelkan haram dan tidak mahu mengambilnya.

Melalui soal selidik yang diedarkan, hanya sebilangan kecil masyarakat yang menyatakan ulama atau institusi agama menolak vaksin iaitu sebanyak 7% sahaja. Kadar ini lebih rendah daripada responden yang menjawab tidak pasti iaitu sebanyak 23.3%. Manakala masyarakat yang bersetuju bahawa ulama atau institusi agama menerima vaksin adalah lebih merupakan pandangan majoriti iaitu sebanyak 69.8%.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ketika itu Datuk Seri Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri telah mengambil pendapat dari *Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli* yang menyatakan pengambilannya adalah harus (Berita Harian, 2021). Pandangan tersebut dibuat setelah merujuk kepada kenyataan pakar-pakar kesihatan awam melalui Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), pakar vaksinasi melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan juga maklumat daripada penyedia vaksin bahawa tiada unsur-unsur yang meragukan (Berita Harian, 2019).

Penelitian hukum yang dibuat oleh ahli yang pakar dalam bidangnya adalah penting untuk menjaga kemaslahatan masyarakat (Muhammad Sidqi 'Ali Burnu, 2003). Oleh yang demikian, berpandukan dari autoriti agama dan kesihatan di atas, maka kerajaan sangat menggalakkan rakyatnya untuk mengambil vaksin. Ini juga dipersetujui oleh responden kajian di mana dalam soal selidik yang diedarkan, sebanyak 93% bersetuju dengan tindakan kerajaan.

Ulasan dari salah seorang responden yang ke-29 mengatakan:

"Ikut saranan kerajaan lebih baik, kita berserah bukan mengharap pada vaksin semata-mata, tetapi untuk kita dan keluarga kita hidup seperti biasa".

Ia bertetapan dengan kaedah fiqhiyyah iaitu:

(تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة)

Maksudnya, *"Kebijakan pemimpin terhadap rakyatnya dikaitkan dengan kemaslahatan"* (Muhammad Yusri Ibrahim, 2013).

Namun begitu, terdapat responden yang tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk vaksinasi. Antara ulasan yang tidak bersetuju ialah responden yang ke-50 yang mengatakan:

"Sepatutnya semua diberi pilihan secara bebas kerana hanya mereka sendiri tahu tahap kesihatan mereka seperti alahan dan sebagainya".

Mengenai tahap kesihatan bagi setiap individu, sebelum divaksin di PPV terdapat doktor yang akan menemubual atau memeriksa tahap kesihatan setiap orang yang divaksin sebelum menandatangani persetujuan di borang untuk divaksin. Sekiranya orang yang divaksin mempunyai apa-apa alahan atau sebagainya, maka doktor akan menasihati dengan cara apa-apa yang bersesuaian (Jamal Nasir, 2021). Walau bagaimanapun, responden yang tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan untuk rakyat mengambil vaksin hanyalah 7% sahaja.

Tindakan kerajaan yang memberi vaksin secara percuma kepada rakyat sama ada warganegara dan bukan warganegara adalah sangat mengujakan. Di salah sebuah PPV di Pulau Pinang, jumlah suntikan vaksin dalam tempoh sehari adalah sebanyak 2,500 dos. Namun pada 8/9/2021, kerajaan menambah lagi 500 dos untuk setiap hari dan menjadikan jumlah suntikan sebanyak 3,000 dos sehari (Abd Rani Hassan, 2021).

Ini menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk menjaga kebajikan rakyat dengan cara membentuk imuniti kelompok. Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian responden yang memilih jenis vaksin tertentu, seperti kaum Cina yang cenderung kepada vaksin *Sinovac* kerana mendakwa Negara China hanya menerima *Sinovac*. Begitu juga kaum India yang mendakwa Negara India hanya menerima *Pfizer*. Namun peratusan pemilihan jenis vaksin di PPV hanyalah sekitar 2% hingga 3% sahaja (Jamal Nasir, 2021).

Keutamaan kerajaan ialah semua anggota masyarakat telah divaksin dan kehidupan mereka kembali normal, Kerajaan menetapkan syarat bahawa setiap rakyat yang ingin keluar rumah supaya mengemukakan sijil vaksinasi yang lengkap dua dos untuk memasuki pejabat atau premis perniagaan seperti kedai makan, panggung wayang, dan lain-lain lagi. Syarat yang telah dijadikan peraturan tersebut telah dipersetujui oleh responden kajian apabila soal selidik yang diedar menunjukkan sebanyak 80.2% daripada responden bersetuju dan hanya 15.1% sahaja yang tidak bersetuju. Antara ulasan yang bersetuju mengenai tindakan kerajaan adalah responden yang ke-38 yang mengatakan:

“Memastikan semua individu mengambil vaksin agar ekonomi negara pulih seperti sediakala. Kerajaan perlu memperlihat dan menambahbaik SOP sedia ada bagi membendung wabak ini. Bagi penduduk kawasan luar bandar, pihak kerajaan perlu turun di kawasan tersebut kerana ada segelintir penduduk tidak berkemampuan dan beri kemudahan seperti hadir dari rumah ke rumah untuk suntikan vaksin”.

Tahap kefahaman ini menunjukkan betapa pentingnya setiap rakyat di Malaysia mengambil vaksin. Sekiranya masih lagi ada yang ingkar, maka kerajaan boleh menggunakan kuasanya dengan mewajibkan setiap orang supaya mengambil vaksin. Sebanyak 76.7% daripada responden bersetuju supaya kerajaan menguatkuasakan undang-undang bagi setiap orang mengambil vaksin. Paksaan ini perlu kerana zaman telah berubah dan ketegasan adalah perlu dilaksanakan untuk menyelamatkan kelompok awam sebagaimana kaedah fiqhiyyah:

(لاينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان)

Maksudnya, *“Adalah tidak dinafikan bahawa undang-undang berubah dengan perubahan masa”* (Wahbah al-Zuhayli, 1997).

Dalam hal ini, Kerajaan boleh menggubal undang-undang bagi mewajibkan pengambilan vaksin. Bagaimanapun ia masih belum dilaksanakan berikutan wujudnya kesedaran warganegara yang tinggi sehingga negara telah pun mencapai imuniti kelompok dengan lebih daripada 85% rakyat dewasa telah divaksin. Pelaksanaan vaksinasi ini bukanlah untuk kepentingan individu tertentu, tetapi demi menjaga kemaslahatan rakyat secara umumnya.

Justeru, dapatan kajian mendapati bahawa responden secara majoritinya memilih untuk divaksin apabila soal selidik yang diedarkan menunjukkan sebanyak 90.7% yang memilih untuk divaksin, berbanding 9.3% responden yang memilih sebaliknya. Ini menunjukkan kesedaran dan kefahaman responden mengenai kepentingan mengambil vaksin adalah menjadi keutamaan untuk menolak Covid-19 sebagai ikhtiar hidup di mana Covid-19 adalah ancaman yang berbahaya pada masa ini.

Walaupun ada masyarakat yang mengatakan dipaksa untuk mengambil vaksin, namun ia hanyalah sebilangan kecil sahaja iaitu peratusan sebanyak 12.8%. Keterpaksaan itu adalah lebih baik untuk menolak darurat yang besar kerana ia boleh menjaga masalah diri sendiri dan juga orang lain.

PENUTUP

Langkah pemberian vaksin walaupun tiada nas yang menyebutnya secara langsung, tetapi ia adalah bertepatan dengan maksud beberapa kaedah fiqhiyyah. Kaedah fiqhiyyah adalah merupakan *maxim* yang dibina berasaskan dalil syarak yang membentuk kaedah khas dalam penelitian hukum bagi isu-isu semasa. Ia tidak lari daripada sumber yang utama iaitu al-Quran, Sunnah, ijmak dan qiyas.

Aplikasi kaedah fiqhiyyah juga mudah untuk digunapakai dalam isu semasa, khususnya berkaitan pandemik Covid-19 yang berlaku hari ini di mana banyak panduan-panduan daripada kaedah yang digubal oleh fuqaha dapat diaplikasikan berkaitan pengambilan vaksin. Justeru, dakwaan segelintir masyarakat yang mempertikai pelaksanaan kerajaan dalam pemberian vaksin adalah tidak kukuh apabila disandarkan kepada persepsi luar yang tidak benar.

Berdasarkan kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa masyarakat lebih cenderung untuk mengambil vaksin dan pendirian ini sangat bertepatan dengan rujukan kepada kaedah fiqhiyyah. Secara keseluruhannya, dapatan daripada kaji selidik yang diedarkan menunjukkan peratusan yang sangat tinggi bagi setiap individu yang mengambil vaksin serta memahami pelaksanaannya oleh Kerajaan.

Ini menunjukkan secara majoritinya masyarakat lebih berilmu dalam pengambilan vaksin untuk menolak darurat kerana ini adalah satu-satunya ikhtiar dan ingin hidup kemb'Ali seperti kebiasaan dan seterusnya dapat menjalankan ibadah dengan lebih sempurna. Kaedah juga menunjukkan bahawa langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah selari dengan kuasanya untuk membawa masalah mengikut kemampuan yang ada, dan seterusnya dapat mengelak daripada mudarat yang berterusan berlaku dalam negara.

RUJUKAN

- Abdul Rashid Moten. 1998. *A Guide To Research Proposal And Report Writing*. Selangor: Research Centre International Islamic University, Malaysia.
- Ahmad bin Al-Syeikh Muhammad Al-Zarqa. 1989. *Sharah Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dar Al-Qalam.
- Ahmad Sunawari Long. 2009. *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: UKM.
- Ahmad Umar Abu Shawfah. 2003. *Al-Mu'jizah Al-Qur'aniyyah Haqa'iq 'Ilmiah Qati'ah*. Libya: Dar Al-Kutub Al-Wataniyyah.
- Bayan Linnas. 2020. *Pengambilan Vaksin Covid-19: Hukum dan Permasalahannya, Bil 7/2020*. Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).
- Khazri Osman, Mohammad Zulkifli Abdul Ghani & Najihah Abd. Wahid. 2020. *Peranan Qawaid Fiqhiyyah Dalam Dakwah Semasa Situasi Penularan Wabak*. Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pendemik: UKM.
- Majd Ahmad Makkiyy. 2001. *Fatawa Mustafa al-Zarqa*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Muhammad Sidqi 'Ali Burnu. 1996. *Al-Wajiz fi Idahi Qawa'id Al-Fiqh Al-Kulliyyah*. Beirut: Mu'assasat al-Risalah.
- Muhammad Sidqi 'Ali Burnu. 2003. *Al-Mawsu'at Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Beirut: Mu'assasat Al-Risalah.
- Muhammad Yusri Ibrahim. 2013. *Fiqh Al-Nawazil Li al-Aqalliyyat al-Muslimah (Ta'silan Wa Tatbiqan)*. Kaherah: Dar al-Yusra.
- Muhammad al-Zuhayli. 2021. *Al-Fatwa Al-Mufassalah Al-Sadirah Min Majma' Fuqaha' al-Shari'ah fi Amrika*.

- Sa'd bin Nasir al-Shatsri. 2021. Anggota Jawatankuasa Kibar al-Ulama Arab Saudi.
- Salih bin Muhammad bin Hasan 'Ali 'Umayr. 2000. *Majmu'ah Al-Fawa'id Al-Bahiyyah 'Ala Manzumat Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah*. Riyad: Dar Al-Suma'i Li al-Nashr.
- Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin Taqiyy al-Din Al-Subki. 1991. *Kitab Al-Ashbah Wa Al-Naza'ir Li al-Subki Aqşam Usul Al-Fiqh wa Al-Qawa'id Fiqhiyyah*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-'Ilmiyyah.
- Wahhab Al-Zuhayli. 1997. *Al-Fiqh Al-Islami wa Adilatuhu Al-Shamil Li al-Adilat Al-Shar'iyyah wa Al-Ara' Al-Madhabiyah wa Ahammi Al-Nazariyyat Al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dar Al-Fikr.

Jurnal

- Irwan Mohd Subri, Mohd Hapiz Mahaiyadin, Suhazeli Abdullah & Hasanah Abd Khafidz. 2021. *Pengetahuan Dan Penerimaan Masyarakat Islam di Malaysia Terhadap Vaksin COVID-19*. *Ulum Islamiyyah*, 33(2), 49-68. <https://doi.org/10.33102/uij.vol33no2.384>.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. 2018. *Aplikasi Kaedah fiqhiyyah "Al-Darurah Tuqaddaru bi Qadariha" Terhadap Pengambilan Bantuan Makanan Oleh Gelandangan*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa: USIM*.
- Norhidayah Pauzi & Saadan Man. 2017. *Masalah Dalam Vaksinasi: Analisis Fatwa Malaysia dan Indonesia*. *Jurnal Fiqh*, No. 14: UM.
- Siti Khatijah Ismail, Ridzwan Ahmad & Khairul Anfan Khalid. 2016. *Konsep Al-Darurah Tuqaddar bi Qadariha Dalam Inovasi Pakaian Bersalin Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah*. *Jurnal Syariah*, Jil 24, Bil 3: UM.
- Tengku Fatimah Azzahra Tengku Md Fauzi, Noor Fahimah Mohd Razif & Mohd Anuar Ramli. 2018. *Polemik Antara Penerimaan dan Penolakan Vaksinasi Kanak-Kanak: Analisis Dari Perspektif Islam*. *Jurnal Syariah*, Jil 26, Bil 2: UM.

Internet

- Imunisasi: Fakta Dan Kemusykilan. <http://www.myhealth.gov.my/imunisasi-fakta-dan-kemusykilan/> (diakses pada 23 November 2015).
- Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin Covid-19. <https://www.myhealth.gov.my/> (diakses pada 12 September 2021).
- Kesan Sampingan Vaksin Ketara Jika Sistem Imun Kuat. <https://www.hmetro.com.my/global/asia/2021/04/696766/kesan-sampingan-vaksin-ketara-jika-sistem-imun-kuat> (diakses pada 19 April 2021).
- KKM sentiasa tambah baik fungsi MySejahtera. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/08/852750/kkm-sentiasa-tambah-baik-fungsi-mysejahtera> (diakses pada Ogos 18, 2021).
- Majlis Ulama tegaskan vaksin Pfizer haram. <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/09/majlis-ulama-tegaskan-vaksin-pfizer-haram/>. (diakses pada 1 September 2021).
- Malaysia Rujuk Ulama' Dunia Mengenai Fatwa Ambil Vaksin Covid-19. <https://www.vaksinCovid.gov.my/fasa/> (diakses pada 26 Februari 2021).
- Malaysia Rujuk Ulama' Dunia Mengenai Fatwa Ambil Vaksin Covid-19. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/02/790372/malaysia-rujuk-ulama-dunia-mengenai-fatwa-ambil-vaksin-covid-19> (diakses pada 26 Februari 2021).
- Penggunaan Pelitup Muka. <http://www.myhealth.gov.my/penggunaan-pelitup-muka/> (diakses pada 12 September 2021).

PKP menyeluruh rencat pemulihan ekonomi. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/10/738505/pkp-menyeluruh-rencat-pemulihan-ekonomi> (diakses pada Oktober 5, 2020).

Sains, teknologi bantu penelitian hukum isu semasa. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2019/12/638324/sains-teknologi-bantu-penelitian-hukum-isu-semasa> (diakses pada Disember 13).

Soalan Lazim Penyakit Coronavirus (Covid-19). <http://www.myhealth.gov.my/wp-content/uploads/FAQ-COVID-19.pdf> (diakses pada 12 September 2021).

Vaksin COVID-19 menunjukkan keberkesannya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/03/801316/vaksin-covid-19-menunjukkan-keberkesannya> (diakses pada Mac 29, 2021).

Vaksin: Membentuk Imuniti Kelompok. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2021/03/15/vaksin-membentuk-imuniti-kelompok/> (diakses pada 15 Mac 2021).

Temubual

Abd Rani Hassan. Penyelaras Pusat Pemberian Vaksin Dewan Millienium, Kepala Batas, Pulau Pinang. 11 September 2021.

Abdul Wafi Hazizan. Guru Sekolah Swasta di Pulau Pinang. 2 September 2021.

Jamal Nasir. Penolong Pegawai Perubatan Hospital Pulau Pinang. 24 Ogos 2021.

Mohamad Aslam Ahmad. Hakim di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Semporna, Sabah. 2 Ogos 2021.

Mohamad Auzier Azmi. Bekas pesakit Covid-19. 26 Ogos 2021.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Fiqhiyyat tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.